


# Harimau Malaya



© Chris R. Shepard/TRAFFIC Southeast Asia

Tahukah anda bahawa Malaysia merupakan salah satu daripada 14 buah negara di mana harimau boleh ditemui? Semenanjung Malaysia mempunyai sub-spesies yang tersendiri iaitu Harimau Malaya. Ia bangga menjadi sebahagian daripada kemegahan Jata Negara, sedihnya harimau kini sedang diancam kepupusan. Kini, sudah tiba masanya untuk kita bersama-sama berusaha menyelamatkan harimau dan langkah pertama ialah dengan mengenali haiwan pemangsa ini. Seterusnya, kita akan sedar betapa pentingnya kita perlu bertindak sekarang.

## GAMBARAN FIZIKAL

Purata berat seekor Harimau Malaya jantan ialah 120kg manakala betina ialah 100kg. Harimau mempunyai kelebihan untuk menyerang hendap mangsanya. Bulunya yang berwarna oren gelap dapat membantunya untuk bergerak secara bersembunyi di dalam hutan. Corak belangnya pula dapat membolehkannya untuk menyamar di dalam persekitaran. Harimau memiliki sepasang gigi taring yang sangat tajam, kuku yang boleh disentak ke dalam, serta deria bau dan penglihatan yang tajam merupakan kelengkapan memburu yang penting.




© Mani/MYCAT


## TABURAN & HABITAT

Harimau hanya boleh ditemui di Asia. Ia mampu hidup di pelbagai habitat dari kawasan padang rumput sehingga ke hutan tropika, juga di hutan paya bakau dan paya. Harimau mampu hidup dengan baik di kawasan bertumbuhan padat dengan punca air dan makanan yang mencukupi.

Peta di bawah menunjukkan taburan harimau di Malaysia.



Taman Negara di Malaysia merupakan salah satu kawasan yang mempunyai populasi harimau yang berdaya maju selain dari Hutan Belum-Temenggor di Perak. Hutan-hutan besar yang lain juga mungkin mempunyai populasi harimau.



© KHKhoon/MNS

Untuk memastikan kewujudannya dalam jangka masa panjang ialah dengan memastikan habitat penting harimau bersambung dengan koridor hutan supaya harimau dan mangsanya dapat hidup dan bergerak dengan selamatnya.

## DEFINISI

TERMA	DEFINISI
karnivor	Haiwan yang memburu dan membunuh haiwan lain sebagai makanan
spesies	Golongan benda (binatang, tumbuhan dll) yang mempunyai sifat yang sama
sub-spesies	Pecahan daripada sesuatu spesies
populasi	Kumpulan individu sesuatu spesies (haiwan dan tumbuhan) yang terdapat di sesuatu kawasan geografi atau habitat tertentu
pupus	Haiwan yang sudah tidak wujud lagi secara semulajadi
pemuliharaan	Perihal (proses, usaha, perbuatan) memulihara
pemangsa	Haiwan yang memakan daging
mangsa	Haiwan yang dibunuh sebagai makanan untuk haiwan lain
diurnal	Aktif pada waktu siang
nokturnal	Aktif pada waktu malam
teritorial	Haiwan yang mempertahankan kawasannya daripada dicerobohi haiwan sama spesies yang lain
habitat	Tempat haiwan atau tumbuhan hidup secara semulajadi
disentak	Boleh dimasukkan atau dikeluarkan dari sesuatu tempat

## PERLAKUAN

Harimau adalah haiwan yang pemalu dan atas sebab inilah mereka amat jarang ditemui di hutan. Namun kesan yang ditinggalkan adalah jelas; kesan tapak kaki, kesan cakaran pada batang pokok dan sesekali bunyi ngauman yang kadangkala kedengaran.



© Zoo Negara

Harimau adalah haiwan territorial dan sentiasa mengawasi kawasan dari diceroboh harimau lain dengan meninggalkan kesan tanda-bau (dihasilkan ketika mencakar pokok dan menyembur urin) di sempadan kawasan.



© Zoo Negara

Haiwan pemangsa ini gemar berenang, selalunya untuk menyejukkan badan dari bahang dan kelembapan hutan Malaysia.

Harimau adalah haiwan yang hidup bersendirian, kecuali dalam musim mengawan atau harimau betina yang sedang membesarkan anaknya.

Anak harimau tinggal bersama ibunya selama 2 tahun dan akan belajar hidup berdikari seperti memburu dan mengelak bahaya dari ibunya.

Pada umumnya harimau adalah nokturnal, namun di Malaysia, kajian telah menunjukkan bahawa ia lebih cenderung untuk bersifat diurnal berbanding dengan tempat lain. Perbezaan ini terjadi mungkin kerana harimau telah mengubah corak aktiviti mengikut sifat mangsanya seperti Babi Hutan dan Kijang yang diurnal.

## KARNIVOR

Harimau adalah haiwan karnivor. Ia berada di bahagian paling atas di dalam rantai makanan dan cekap memburu bersendirian.



© Mani/MYCAT

Rusa Sambar



© Zoo Negara

Kijang

Di Malaysia, mangsa utama harimau ialah Babi Hutan, Rusa Sambar dan Kijang, tetapi harimau juga memburu haiwan lain sebagai makanan.

## HARIMAU DIANCAM BAHAYA!

Ada berapa ekor harimau?

Mungkin ini adalah antara soalan yang paling kerap dikemukakan kepada mereka yang terlibat dalam pemuliharaan harimau. Namun tiada siapa pun yang tahu secara tepat jumlah harimau di Malaysia. Buat masa ini, berdasarkan jumlah kesesuaian habitat untuk harimau, kawasan yang sedia ada mampu menampung sekurang-kurangnya 500 ekor harimau. Kajian yang terperinci mungkin akan menunjukkan jumlah yang lebih tinggi ataupun rendah.



© Kae Kawanshi/MYCAT

Satu ketika dahulu, terdapat 9 sub-spesies harimau, namun 3 telah pupus. Dalam tempoh seabad yang lalu, bilangan harimau di seluruh dunia telah menurun dari 100,000 ekor ke 5,000 ekor sahaja; sebanyak 95% harimau telah pupus!

Harimau diancam oleh kehilangan habitat dan mangsa, pemburuan haram serta perdagangan. Ia diburu kerana tanggapan sesetengah pihak bahawa dengan memakan daging atau mengambil ubatan tradisional yang dihasilkan daripada bahagian-bahagian badan harimau akan membuatkan mereka lebih kuat dan sihat.



© TRAFFIC Southeast Asia



© TRAFFIC Southeast Asia

Bahagian badan lain seperti gigi, kuku dan kulit pula disimpan sebagai barang ajaib ataupun perhiasan.



© Kae Kawanshi/MYCAT

Manusia turut bersaing dengan harimau untuk memburu spesies mangsa seperti rusa dan Babi Hutan. Akibat kekurangan mangsa, harimau terpaksa menyerang lembu dan ternakan lain sebagai makanan mereka.

Ini adalah konflik manusia-harimau. Kesannya, harimau mungkin dibunuh oleh penternak yang berang atau ditangkap oleh pihak berkuasa dan dihantar ke zoo untuk dikurung seumur hidupnya.

## PERLINDUNGAN TERHADAP HARIMAU

Harimau disenaraikan di bawah Apendiks I oleh Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES), yang mengharamkan perdagangan untuk kesemua sub-spesies harimau termasuklah Harimau Malaya.



Kesemua sub-spesies harimau, termasuklah Harimau Malaya adalah antara haiwan yang dilindungi sepenuhnya di bawah Jadual Satu yang terkandung dalam Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972; harimau tidak boleh diburu ataupun didagangkan.

